



Perbelanjaan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita Oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan

PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN



OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada:

Perbelanjaan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan dilaksanakan secara teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan.



Jumlah Semakan

74

Arahan Pembayaran
berjumlah

RM3.64 juta

APA SEPATUTNYA



- Peruntukan yang diluluskan pembayaran hendaklah dibelanjakan.



- Perbelanjaan program dilaksanakan sebagaimana kelulusan permohonan.



APA YANG BERLAKU

• **RM1.39 juta**

Bayaran peruntukan kepada Persatuan Kemahiran Wanita Kelantan dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan untuk pelaksanaan program tidak dibelanjakan.



• **RM76,372**

Perbelanjaan program tidak dilaksanakan sebagaimana kelulusan permohonan.

RM1.39 JUTA

Kerugian kepada golongan sasaran dan Kerajaan kerana matlamat program tidak tercapai dan sumbangan tidak dapat diagihkan kepada penerima yang sepatutnya.

RUMUSAN AUDIT

Perbelanjaan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita kurang memuaskan kerana RM1.39 juta atau 38.2% daripada peruntukan yang diluluskan pembayaran tidak dibelanjakan untuk tujuan program.

**3
SYOR
AUDIT**

PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

1. PERBELANJAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA OLEH URUS SETIA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN

FAKTA UTAMA

RM7.50 Juta	RM3.64 Juta	RM1.39 Juta
Jumlah peruntukan yang diluluskan dalam belanjawan Kerajaan negeri tahun 2021 bagi Program Pembangunan Keluarga dan Wanita	Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan program yang dimohon	Bayaran peruntukan untuk pelaksanaan program tidak dibelanjakan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pejabat SUK) merupakan sekretariat Kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal berkaitan urusan pentadbiran negeri. Antara peranan utama yang dimainkan oleh Pejabat SUK selaku sekretariat Kerajaan negeri adalah sebagai pemimpin dan pelaksana, pengawal selia (*regulator*), penyelaras strategik negeri dan perhubungan dua hala antara pihak Kerajaan dan rakyat.

1.2. Pada tahun 2021, Pejabat SUK telah diperuntukkan sejumlah RM22.13 juta di bawah kod perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap di mana sejumlah RM12.02 juta atau 54.3% telah dibelanjakan. Berdasarkan Belanjawan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2021 di bawah Objek Sebagai 42000 – Pemberian Dalam Negeri, sejumlah RM7.50 juta telah diperuntukkan bagi program Pembangunan Keluarga dan Wanita.

1.3. Program Pembangunan Keluarga dan Wanita diuruskan oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan (U-KeKWa). Pada tahun 2021, sejumlah RM3.64 juta peruntukan telah diluluskan bagi perbelanjaan program ini. Antara perbelanjaan utama Program Pembangunan Keluarga dan Wanita tahun 2021 adalah Pengurusan Taska Keluarga Mawaddah, Insentif Penubuhan TASKA di Tempat Kerja, Pengurusan Mawaddah Centre, Pengurusan Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (RPWSH), Pusat Latihan Wanita Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Armalah serta Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK). Selain itu, terdapat juga perbelanjaan bagi program-program, bengkel dan sumbangan kepada jurulatih jahitan, suri rumah dan pengasuh taska yang terjejas pendapatan akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

1.4. Berdasarkan kronologi pengurusan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita, kertas cadangan akan disediakan oleh Unit Pembangunan Keluarga, Unit Pembangunan Wanita dan Unit Kemahiran Wanita di U-KeKWa dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan untuk kelulusan. Setelah kertas cadangan diluluskan, satu memo arahan kepada Bahagian Kewangan Pejabat SUK akan dikeluarkan oleh Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi tujuan pembayaran. Berdasarkan memo yang dikeluarkan, pembayaran hendaklah dibuat kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK) atau Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan. Setelah peruntukan dibayar oleh Pejabat SUK, pegawai di U-KeKWa akan bertindak sebagai urus setia bagi melaksanakan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi memastikan perbelanjaan program Pembangunan Keluarga dan Wanita oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan dilaksanakan secara teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan yang dijalankan melibatkan perbelanjaan bagi Program Pembangunan Keluarga dan Wanita Tahun 2021. Sampel yang diaudit meliputi 74 Arahan Pembayaran berjumlah RM3.64 juta bagi tahun 2021 berkaitan bayaran terhadap PKWK dan 42 Persatuan Kemahiran Wanita mengikut cawangan.

3.2. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak Arahan Pembayaran, Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan, laporan perbelanjaan program serta dokumen dan rekod kewangan yang berkaitan. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta NGO yang berkenaan turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada proses semakan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Mac hingga Jun 2022. Maklum balas daripada Pejabat SUK telah diterima pada 4 Ogos 2022 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 29 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Bayaran Peruntukan Kepada Persatuan Kemahiran Wanita Kelantan dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan Untuk Pelaksanaan Program Berjumlah RM1.39 Juta Tidak Dibelanjakan

4.1.1. Arahan Perbendaharaan 57(i) menjelaskan semua kerja, pembelian dan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan perbelanjaan yang diluluskan hendaklah dijalankan dengan segera dan dengan seberapa yang boleh dalam tempoh yang dianggarkan baginya tetapi tiada apa-apa tambahan harga boleh dilakukan semata-mata kerana hendak menyempurnakannya pada atau sebelum akhir tahun kewangan.

4.1.2. Berdasarkan 74 Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan yang diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan, Program Pembangunan Keluarga dan Wanita yang dimohon untuk dilaksanakan beserta cadangan tarikh program dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1
PROGRAM PEMBANGUNAN KELUARGA DAN WANITA TAHUN 2021
YANG DILULUSKAN DALAM KERTAS CADANGAN

BIL.	PERIHAL PROGRAM	TARIKH CADANGAN PROGRAM DIJALANKAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	PERUNTUKAN YANG DIMOHON (RM)	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)
1.	Skim Halimatul Saadiah 2021	19.12.2021	2	122,000	122,000
2.	Insentif Penubuhan Taska di Tempat Kerja Fasa 1 hingga Fasa 4 2021	TM	4	490,000	490,000
3.	Pengurusan Taska Keluarga Mawaddah Fasa 1 hingga Fasa 8 2021	TM	8	80,000	80,000
4.	Hari Keluarga & Hari Muaddibah Taska Keluarga Mawaddah	17-18.12.2021	1	40,570	40,570
5.	Bengkel Gagasan Wanita Kelantan Atas Talian 2021	Tahun 2021	1	10,000	10,000
6.	Pengurusan PPWK bagi tahun 2021 Fasa 2 hingga Fasa 4	TM	3	354,000	354,000
7.	Program Mawaddah <i>Support Team</i>	Setiap dua bulan sekali (enam kali mesyuarat)	1	94,080	94,080
8.	Mesyuarat Jelajah Parlimen Mawaddah <i>Support Team</i> 2021	03.11.2021-30.11.2021	1	5,920	5,920
9.	Projek Bijak Bestari Siri 1,2 dan 3/2021	04.09.2021 25.09.2021 09.10.2021	1	15,000	15,000
10.	Program Bijak Bestari Siri 4, 5 dan 6/2021	23.10.2021 30.10.2021 13.11.2021	1	15,000	15,000
11.	Pengurusan Bengkel Remaja Berilmu Siri 1 dan 2/2021	07.11.2021 16.12.2021	1	8,700	8,700

BIL.	PERIHAL PROGRAM	TARIKH CADANGAN PROGRAM DIJALANKAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	PERUNTUKAN YANG DIMOHON (RM)	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)
12.	Bengkel Pendengar Setia Siri 1,2,3 dan 4/2021	04.11.2021 28.11.2021 05.12.2021 19.12.2021	1	14,000	14,000
13.	Pengurusan Bengkel Terapi dan Kesihatan Warga Emas Siri 1,2,3 dan 4/2021	10.11.2021 24.11.2021 08.12.2021 29.12.2021	1	14,300	14,300
14.	Pelan Pemasaran dan Promosi PPWK Zon 1 hingga Zon 5	TM	5	90,000	90,000
15.	Pengurusan Taska Keluarga Mawaddah Januari hingga Disember 2021	Januari hingga Disember 2021	4	78,000	78,000
16.	Pengurusan Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan 2021	25.11.2021	1	92,500	92,500
17.	Pengurusan Mawaddah Centre	Januari hingga Disember 2021	8	133,000	133,000
18.	Majlis Pembangunan Keluarga Mawaddah Siri 1 hingga 3/2021	14.10.2021 18.11.2021 16.12.2021	1	15,000	15,000
19.	Pengurusan Insentif Penubuhan Taska di Tempat Kerja bagi Bulan Julai hingga Disember 2021	Julai hingga Disember 2021	1	10,000	10,000
20.	Pengurusan Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan	Januari hingga Disember 2021	6	30,000	30,000
21.	Program Skim Cakna Suri Fasa1 hingga Fasa 3/2021	Januari hingga Disember 2021	3	450,000	450,000
22.	Pengurusan dan Bantuan Khas Cakna Hawa 2021	TM	3	495,000	495,000
23.	Program Mudarribah Jurulatih Jahitan PPWK Fasa 1 hingga 3/2021	TM	3	467,820	467,820
24.	Pengurusan PPWK Fasa 1/2021	Januari hingga Disember 2021	1	203,000	203,000
25.	Program Pendidikan Kemahiran di Pusat Latihan Wanita OKU & Armalah (PLWOA) Fasa 1 hingga 3/2021	Fasa 1 & 2 : Januari hingga Disember 2021 Fasa 3: 1,2,5,6 dan 7.09.2021	3	176,121	176,121
26.	Program Daurah Wanita <i>Online</i>	Januari hingga Disember 2021	2	38,000	38,000
27.	Program Naungan Satu Ayat	Januari hingga Disember 2021	1	12,000	12,000
28.	Pelaksanaan Insentif ICT Usahawan Kecil Wanita 2021	TM	1	20,000	20,000

BIL.	PERIHAL PROGRAM	TARIKH CADANGAN PROGRAM DIJALANKAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	PERUNTUKAN YANG DIMOHON (RM)	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)
29.	Kursus Desa <i>Online</i> Fasa 1/2021	Julai hingga September 2021	1	29,000	29,000
30.	Pengurusan Pusat Sumber Sayyidatina Hafsah	Januari hingga Disember 2021	1	16,700	16,700
31.	Cetakan Buku Dasar Warga Emas Mukramun Kelantan	Tahun 2021	1	5,000	5,000
32.	Pengurusan Mesyuarat Asas Dalam Rumah Tangga	Tahun 2021	1	5,000	5,000
33.	Lawatan Kerja dan Kunjung Hormat U-KeKWa	Tahun 2021	1	14,200	14,200
JUMLAH			74	3,643,911	3,643,911

Sumber: Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita Tahun 2021

Nota: TM - Tiada Maklumat

4.1.3. Semakan silang telah dibuat oleh pihak Audit terhadap Arahan Pembayaran, Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Program dengan laporan perbelanjaan tahun 2021 yang disediakan oleh U-KeKWa bagi mengesahkan perbelanjaan yang telah dilaksanakan. Semakan Audit mendapati **sejumlah RM1.39 juta peruntukan yang dibayar oleh Pejabat SUK kepada PKWK dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan melalui 32 Arahan Pembayaran tidak dibelanjakan untuk melaksanakan program yang diluluskan** pada tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2
BAYARAN PERUNTUKAN KEPADA PERSATUAN KEMAHIRAN WANITA KELANTAN
DAN PERSATUAN KEMAHIRAN WANITA CAWANGAN YANG BERJUMLAH RM1.39 JUTA
TIDAK DIBELANJAKAN

BIL.	PERIHAL PROGRAM	TARIKH CADANGAN PROGRAM DIJALANKAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN DILULUSKAN (RM)	AMAUN DIBELANJAKAN (RM)	AMAUN TIDAK DIBELANJAKAN (RM)
1.	Skim Halimatul Saadiah 2021	19.12.2021	1	122,000	20,000	102,000
2.	Insentif Penubuhan Taska di Tempat Kerja Fasa 1 hingga Fasa 4 2021	TM	4	490,000	0	490,000
3.	Pengurusan Taska Keluarga Mawaddah Fasa 1 hingga Fasa 8 2021	TM	8	80,000	0	80,000
4.	Hari Keluarga & Hari Muaddibah Taska Keluarga Mawaddah	17 hingga 18.12.2021	1	40,570	0	40,570

BIL.	PERIHAL PROGRAM	TARIKH CADANGAN PROGRAM DIJALANKAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN DILULUSKAN (RM)	AMAUN DIBELANJAKAN (RM)	AMAUN TIDAK DIBELANJAKAN (RM)
5.	Program Pendidikan Kemahiran Di Pusat Latihan OKU & Armalah (PLWOA) Fasa 1 hingga 3/2021	Fasa 1 & 2 : Januari hingga Disember 2021 Fasa 3: 01,02,05,06 dan 07.09.2021	3	176,121	114,186	61,935
6.	Pengurusan PPWK bagi tahun 2021 Fasa 2 hingga Fasa 4	TM	3	354,000	0	354,000
7.	Program Mawaddah <i>Support Team</i>	Setiap dua bulan sekali (enam kali mesyuarat)	1	94,080	0	94,080
8.	Mesyuarat Jelajah Parlimen Mawaddah Support Team 2021	03.11.2021-30.11.2021	1	5,920	0	5,920
9.	Projek Bijak Bestari Siri 1,2 dan 3/2021	04.09.2021 25.09.2021 09.10.2021	1	15,000	0	15,000
10.	Program Bijak Bestari Siri 4, 5 dan 6/2021	23.10.2021 30.10.2021 13.11.2021	1	15,000	0	15,000
11.	Pengurusan Bengkel Remaja Berilmu Siri 1 dan 2/2021	07.11.2021 16.12.2021	1	8,700	0	8,700
12.	Bengkel Pendengar Setia Siri 1,2,3 dan 4/2021	04.11.2021 28.11.2021 05.12.2021 19.12.2021	1	14,000	0	14,000
13.	Pengurusan Bengkel Terapi dan Kesihatan Warga Emas Siri 1,2,3 dan 4/2021	10.11.2021 24.11.2021 08.12.2021 29.12.2021	1	14,300	0	14,300
14.	Pelan Pemasaran Dan Promosi PPWK Zon 1 hingga Zon 5	TM	5	90,000	0	90,000
JUMLAH			32	1,519,691	134,186	1,385,505

Sumber: Arahan Pembayaran, Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita Tahun 2021 dan Laporan Perbelanjaan Tahun 2021

Nota: TM - Tiada Maklumat

4.1.4. Antara peruntukan yang tidak dibelanjakan adalah peruntukan bagi Program Insentif Penubuhan Taska di Tempat Kerja Fasa 1 hingga Fasa 4 2021 berjumlah RM490,000. Peruntukan yang dimohon adalah bagi proses penambahbaikan bangunan taska, pembelian perabot dan penyediaan ruangan bagi kanak-kanak dan bayi, pembelian alat bantu belajar bagi kanak-kanak dan bayi serta pembelian alatan pejabat bagi 14 taska. Peruntukan ini belum dibelanjakan kerana taska tersebut belum lagi ditubuhkan dan masih dalam proses memenuhi syarat yang ditetapkan oleh

Jabatan Kebajikan Masyarakat. Peruntukan ini sepatutnya tidak dimohon dari awal kerana bangunan taska masih lagi belum wujud sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan. Selain itu, bagi Program Pengurusan Taska Keluarga Mawaddah Fasa 1 hingga Fasa 8 2021 yang berjumlah RM80,000, peruntukkan tidak dibelanjakan pada tahun 2021 kerana taska Keluarga Mawaddah tersebut telah mempunyai set pembelajaran sedia ada.

4.1.5. Antara sebab peruntukan tidak dibelanjakan adalah kerana kekangan pergerakan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bilangan program yang dirancang oleh U-KeKWa terlalu banyak, perancangan tidak dibuat dengan teliti sebelum permohonan dikemukakan untuk kelulusan dan tiada mekanisme pemantauan di peringkat Pejabat SUK terhadap pelaksanaan program oleh U-KeKWa. Selain itu, bagi permohonan peruntukan program yang melibatkan beberapa Fasa, tiada semakan dibuat bagi memastikan peruntukan bagi program Fasa terdahulu telah dibelanjakan sebelum memohon peruntukan untuk program Fasa berikutnya.

4.1.6. Peruntukan yang telah diluluskan dan dibuat pembayaran kepada PKWK dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan tetapi tidak dibelanjakan merupakan satu pembaziran dan kerugian kepada kerajaan serta kumpulan sasaran. Objektif program juga tidak dapat dicapai bagi tujuan pembangunan keluarga dan wanita serta meningkatkan kemahiran wanita di negeri Kelantan.

Maklum Balas Pejabat SUK pada 4 Ogos 2022

Peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 2021 ini akan dibelanjakan pada tahun 2022 kerana faktor-faktor berikut:

- i. pada tahun 2021, program-program terpaksa ditangguhkan memandangkan penularan wabak Covid-19 dalam kalangan kakitangan U-KeKWa (secara silih berganti) dan kakitangan Pusat Khidmat DUN (PKD) yang terlibat dengan pelaksanaan program tersebut;
- ii. kesukaran mendapat tarikh perasmian program sama ada YAB Menteri Besar, YB Dato' EXCO, YB ADUN dan pihak yang berkaitan;
- iii. kakitangan U-KeKWa juga terpaksa menukar fokus kerja apabila berlaku bencana seperti banjir, kebakaran, ribut yang mana kakitangan diarahkan untuk turun membantu mangsa dengan segera;
- iv. Program Skim Halimatul Saadah terpaksa ditangguhkan kerana data penerima tidak lengkap; dan
- v. Program Insentif Penubuhan Taska di Tempat Kerja ditangguhkan kerana perkara ini masih lagi dalam proses memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pernyataan Audit	Peruntukan yang telah diluluskan sejumlah RM1.39 juta untuk tujuan perbelanjaan program tetapi tidak dilaksanakan oleh U-KeKWa merupakan kerugian dan kos melepas kepada Kerajaan kerana peruntukan ini boleh digunakan untuk perbelanjaan lain yang boleh memberi manfaat kepada rakyat.
------------------	---

4.2. Perbelanjaan Tidak Dilaksanakan Sebagaimana Kelulusan Permohonan Berjumlah RM76,372

4.2.1. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 92, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab atas betulnya semua perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan maksud perbelanjaan itu dan Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mengemukakan laporan perbelanjaan berkala kepada Perbendaharaan mengikut format dan kekerapan yang ditentukan oleh Perbendaharaan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati **perbelanjaan yang dilaksanakan oleh U-KeKWa adalah tidak mengikut kelulusan permohonan** bagi pengurusan Mawaddah Centre berjumlah RM45,550 dan Program Skim Cakna Suri berjumlah RM30,822 sebagaimana berikut:

a. Pengurusan Mawaddah Centre

- i. Berdasarkan Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan yang dikemukakan oleh U-KeKWa kepada Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan, sejumlah RM133,000 peruntukan telah dimohon dan diluluskan bagi melaksanakan program dan perbelanjaan seperti yang dirancang bagi Pengurusan Mawaddah Centre setiap bulan. Daripada peruntukan ini, sejumlah RM92,000 diluluskan bagi melaksanakan program, sejumlah RM36,000 bagi perbelanjaan saguhati sukarelawan dan sejumlah RM5,000 bagi perbelanjaan kos operasi Mawaddah Centre. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3** berikut:

JADUAL 3
PROGRAM MAWADDADH CENTRE YANG DILULUSKAN SEBAGAIMANA KERTAS CADANGAN
PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2021

BIL.	NO. ARAHAN PEMBAYARAN	TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN DILULUSKAN (RM)			PERIHAL PEMBAYARAN
			PENGURUSAN	PROGRAM	KOS OPERASI	
1.	21ABBB0401167	04.04.2021	6,000	2,000	2,000	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Januari dan Februari 2021
2.	21ABBB0401166	04.04.2021	3,000	21,000	1,000	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Mac 2021
3.	21ABBB0402504	16.05.2021	3,000	10,000	1,000	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan April 2021
4.	21ABBB0402630	23.05.2021	3,000	10,000	1,000	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Mei 2021

BIL.	NO. ARAHAN PEMBAYARAN	TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	AMAUN DILULUSKAN (RM)			PERIHAL PEMBAYARAN
			PENGURUSAN	PROGRAM	KOS OPERASI	
5.	21ABBB0404912	07.09.2021	6,000	14,000	0	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Jun dan Julai 2021
6.	21ABBB0405038	20.09.2021	6,000	14,000	0	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Ogos dan September 2021
7.	21ABBB0406270	01.11.2021	6,000	14,000	0	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Oktober dan November 2021
8.	21ABBB0408916	15.12.2021	3,000	7,000	0	Pengurusan Mawaddah Centre bagi Bulan Disember 2021
JUMLAH			36,000	92,000	5,000	

Sumber: Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Pengurusan Mawaddah Centre Tahun 2021 Yang Telah Diluluskan

- ii. Semakan Audit mendapati daripada RM92,000 peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan Program Mawaddah Centre, **sejumlah RM45,550 telah dibelanjakan tidak mengikut kelulusan permohonan.** Program yang sepatutnya dilaksanakan adalah program *live* seminar kekeluargaan, *live* motivasi agama, lawatan/ziarah keluarga miskin bandar, Mawaddah *family coaching*, jelajah Mawaddah Ramadhan dan motivasi keluarga. Bagaimanapun, berdasarkan laporan perbelanjaan, perihal sebenar perbelanjaan Mawaddah Centre adalah perbelanjaan membeli peralatan, bayaran papan tanda, baik pulih/renovasi dalaman Mawaddah Centre, pembelian peralatan ICT serta perbelanjaan pelancaran Mawaddah Centre. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4** berikut:

JADUAL 4
PERBELANJAAN BAGI PROGRAM MAWADDAH CENTRE DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT KELULUSAN PERMOHONAN

BULAN	AMAUN DILULUSKAN UNTUK PROGRAM (RM)	PROGRAM DILULUSKAN BERDASARKAN KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN	AMAUN PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERIHAL PERBELANJAAN SEBENAR
Februari	1,000	<i>Live</i> Seminar Kekeluargaan: Bayaran Penceramah RM250 x 4 kali sebulan	6,000	Pembelian Peralatan RM3,000 dan Bayaran Pendahuluan Papan Tanda RM3,000
April	10,000	i. <i>Live</i> motivasi agama: RM1,000 ii. Lawatan/ziarah keluarga miskin bandar: RM3,000 iii. Mawaddah <i>family coaching</i> : RM2,000 iv. Jelajah Mawaddah Ramadhan: RM4,000	15,800	Perbelanjaan Baik pulih/ Renovasi Dalaman Mawaddah Centre Berjumlah RM15,800
Ogos	7,000	i. <i>Live</i> Motivasi Agama: RM1,000 ii. Lawatan/Ziarah Keluarga Miskin Bandar: RM3,000 iii. Mawaddah <i>Family Coaching</i> : RM2,000 iv. Motivasi Keluarga: RM1,000	0	Program Dirancang Tidak Dilaksanakan

BULAN	AMAUN DILULUSKAN UNTUK PROGRAM (RM)	PROGRAM DILULUSKAN BERDASARKAN KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PERUNTUKAN	AMAUN PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERIHAL PERBELANJAAN SEBENAR
September	7,000	i. Live Motivasi Agama: RM1,000 ii. Lawatan/Ziarah Keluarga Miskin Bandar: RM3,000 iii. Mawaddah <i>Family Coaching</i> : RM2,000 iv. Motivasi Keluarga: RM1,000	0	Program Dirancang Tidak Dilaksanakan
Oktober	7,000	i. Live Motivasi Agama: RM1,000 ii. Bakul Makanan: RM3,000 iii. Mawaddah <i>Family Coaching</i> : RM2,000 iv. Motivasi Keluarga: RM1,000	4,550	Pembelian Peralatan ICT Berjumlah RM4,550
Disember	7,000	i. Live Motivasi Agama: RM1,000 ii. Bakul Makanan: RM3,000 iii. Mawaddah <i>Family Coaching</i> : RM2,000 iv. Motivasi Keluarga: RM1,000	19,200	Pelancaran Mawaddah Centre
JUMLAH	39,000		45,550*	

Sumber: Laporan Perbelanjaan Tahun 2021

Nota: (*) – Perbelanjaan melebihi peruntukan kerana menggunakan peruntukan sedia ada yang masih berbaki

- iii. Walaupun U-KeKWA telah mengemukakan cadangan program setiap bulan, pihak Audit mendapati pelaksanaan sebenar perbelanjaan tidak mengikut Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan yang diluluskan. Perkara ini berlaku kerana tiada pemantauan dibuat terhadap perbelanjaan sebenar oleh U-KeKWA di peringkat Pejabat SUK. Kesannya, matlamat program Mawaddah Centre tidak tercapai.

b. Program Skim Cakna Suri

- i. Berdasarkan Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan yang dikemukakan oleh U-KeKWA, sejumlah RM450,000 peruntukan telah dimohon dan diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan bagi Program Skim Cakna Suri. Bantuan secara *one-off* sebanyak RM100 seorang ini diberikan kepada suri rumah bersempena sambutan Hari Suri Rumah peringkat negeri Kelantan tahun 2021 iaitu pada hari Sabtu terakhir bulan Ogos. Sumbangan ini adalah terhad kepada 100 orang suri rumah bagi setiap DUN. Pejabat SUK telah meluluskan tiga Arahan Pembayaran kepada PKWK bagi program Skim Cakna Suri tahun 2021 berjumlah RM450,000 melalui tiga fasa yang berjumlah RM150,000 setiap fasa. Maklumat permohonan yang diluluskan bagi Program Skim Cakna Suri adalah seperti dalam **Jadual 5** berikut:

JADUAL 5
PROGRAM SKIM CAKNA SURI YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH	TUJUAN PERBELANJAAN DIMOHON	AMAUN DIMOHON (RM)	AMAUN DILULUSKAN (RM)
1.	21ABBB0401163/ 04.04.2021	Bantuan kepada Suri Rumah RM100 x 100 penerima x 15 DUN (Fasa 1/2021)	150,000	150,000
2.	21ABBB0402506/ 16.05.2021	Bantuan kepada Suri Rumah RM100 x 100 penerima x 15 DUN (Fasa 2/2021)	150,000	150,000
3.	21ABBB0403866/ 04.08.2021	Bantuan kepada Suri Rumah RM100 x 100 penerima x 15 DUN (Fasa 3/2021)	150,000	150,000
JUMLAH			450,000	450,000

Sumber: Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Bagi Program Cakna Suri 2021

- ii. Semakan Audit mendapati daripada RM450,000 permohonan yang diluluskan bagi agihan bantuan kepada 4,500 penerima, hanya sejumlah RM383,400 peruntukan telah diagihkan iaitu kepada 3,834 orang penerima bantuan. Sejumlah **RM30,822 telah dibelanjakan untuk tujuan selain daripada kelulusan yang dimohon**, iaitu bagi perbelanjaan pelancaran Skim Cakna Suri berjumlah RM28,822 dan bayaran analisis data berjumlah RM2,000. Baki berjumlah **RM35,778 tidak dibelanjakan**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6** berikut:

JADUAL 6
PERBELANJAAN SEBENAR PROGRAM SKIM CAKNA SURI TAHUN 2021

BIL.	NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ TARIKH	TUJUAN PERBELANJAAN DIMOHON	AMAUN DIMOHON (RM)	AMAUN PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	TUJUAN PERBELANJAAN	AMAUN TIDAK DIBELANJAKAN (RM)
1.	21ABBB0401163/ 04.04.2021	Bantuan kepada Suri Rumah RM100 x 100 Penerima x 15 DUN (Fasa 1/2021)	150,000	*28,822	Pelancaran Skim Cakna Suri	35,778
2.	21ABBB0402506/ 16.05.2021	Bantuan kepada Suri Rumah RM100 x 100 Penerima x 15 DUN (Fasa 2/2021)	150,000	2,000	Bayaran Analisis Data	
3.	21ABBB0403866/ 04.08.2021	Bantuan kepada Suri Rumah RM100 x 100 Penerima x 15 DUN (Fasa 3/2021)	150,000	383,400	Bayaran Bantuan Skim Cakna Suri (RM100 x 3,834 Penerima)	
JUMLAH			450,000	414,222		35,778

Sumber: Laporan Perbelanjaan Program Cakna Suri 2021

Nota: (*) - Dibundarkan kepada ringgit yang hampir

4.2.3. Antara sebab perbelanjaan tidak dibuat mengikut kelulusan yang dimohon adalah kerana tiada pemantauan dibuat oleh Pejabat SUK terhadap perbelanjaan program ini. Kesannya, amaun bantuan tidak diagihkan kepada bilangan penerima yang sepatutnya.

Maklum Balas Pejabat SUK pada 4 Ogos 2022

Mawaddah Centre merupakan projek usaha sama U-KeKWa dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Bangunan yang digunakan sebagai Mawaddah Centre adalah bangunan di bawah seliaan pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Bagaimanapun, pihak MAIK tidak mempunyai peruntukan bagi urusan penambahbaikan/keceriaan bangunan tersebut. Lebih peruntukan program telah digunakan bagi proses baik pulih bangunan Mawaddah Centre memandangkan bangunan yang dicadangkan itu tidak mesra OKU, tidak mesra kanak-kanak, lusuh dan banyak kemudahan yang sepatutnya disediakan telah mengalami kerosakan yang mana memerlukan *major renovation*.

Bangunan ini di bawah seliaan pihak MAIK dan perlu dibaik pulih terlebih dahulu untuk kegunaan program yang bakal dijalankan. Lebih tersebut telah digunakan untuk membaiki bangunan, mengecat dan memperbaiki sistem paip dan tandas bagi memastikan program dapat dijalankan di premis ini dengan baik.

Bagi Program Skim Cakna Suri, peruntukan yang dimohon adalah sebanyak RM450,000 dan perbelanjaan yang telah dibuat adalah sebanyak RM383,400 yang mana ianya telah diterima oleh seramai 3,834 penerima. Baki saringan penerima akan diselesaikan pada 26 Ogos 2022.

Pernyataan Audit	Perbelanjaan yang dilaksanakan tidak mengikut kelulusan permohonan menyebabkan matlamat program tidak dapat dicapai dan sumbangan tidak dapat diagihkan kepada bilangan penerima bantuan yang sepatutnya.
-------------------------	--

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pihak Audit mendapati pembayaran dan perbelanjaan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita adalah kurang memuaskan berdasarkan isu yang dibangkitkan. Ini kerana peruntukan yang telah diluluskan bayaran oleh Pejabat SUK kepada PKWK dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan untuk pelaksanaan program yang dirancang tidak dibelanjakan sejumlah RM1.39 juta atau 38.2%.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan tindakan pematuhan terhadap peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya, penambahbaikan dan tindakan perlu dilaksanakan terhadap perkara berikut:

6.1. memastikan peruntukan yang diluluskan dibelanjakan oleh U-KeKWa bagi melaksanakan program dalam tahun kewangan yang dimohon sebagaimana Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan bagi Program Pembangunan Keluarga dan Wanita;

6.2. memastikan peruntukan dibelanjakan mengikut program yang diluluskan sebagaimana Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Program Pembangunan Keluarga dan Wanita; dan

6.3. mengkaji semula kaedah pembayaran peruntukan bagi melaksanakan program yang dibuat melalui PKWK dan Persatuan Kemahiran Wanita Cawangan memandangkan kesukaran Pejabat SUK untuk membuat pemantauan kerana badan ini merupakan sebuah NGO.